

**IMPLIKASI *GOOGLE APPS* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PELAJAR PESISIR UTHM**

NORIYANI BINTI DOMAN

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

JULAI 2017

DEDIKASI

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Teristimewa buat seisi keluarga dan teman-teman yang sentiasa memberi dorongan
dalam menjayakan projek sarjana ini. Bingkisan ilmu ini dititipkan khas untuk :*

Suami tercinta,

Mohamad Afiq Bin Selamat

Ayahanda dan bonda tercinta,

***Doman Bin Arman & Pajjah Binti Ahmad
Selamat Bin Othman & Kamidah Binti Idris***

Anak-anak tercinta,

***Nur Auni Aqilah Binti Mohamad Afiq
Muhammad Alif Aiman Bin Mohamad Afiq***

Penyelia, Dr. Irwan Mahazir Bin Ismail

Keluarga dan teman-teman seperjuangan.

*Segala dorongan dan pengorbanan anda tidak mampu diungkapkan dengan
kata-kata. Jasa kalian akan ku kenang hingga ke akhir hayat.*

Terima kasih untuk segalanya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya. Saya juga ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Irwan Mahazir bin Ismail yang telah banyak membimbing dan membantu sepanjang menjalankan projek sarjana ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih saya diucapkan kepada panel penilai iaitu Dr. Mohd Hasril bin Amiruddin dan En. Hairuddin bin Harun yang telah memberi idea dan pandangan bagi menyempurnakan projek ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), terutama staf dari Pusat Pendidikan Berterusan (CAD) yang membantu untuk saya mendapatkan maklumat dalam melengkapkan projek sarjana ini.

Akhir sekali, terima kasih ditujukan kepada keluarga, rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek sarjana ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Perkembangan pesat teknologi pada masa kini telah memberi perubahan terhadap sistem pengajaran terutama dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kemajuan dalam aplikasi teknologi seperti *google apps* telah banyak memberi impak positif dalam bidang pengajaran yang dijadikan medium dalam menyampaikan maklumat. Namun begitu, pelajar tidak mempunyai sikap motivasi yang tinggi untuk mempelajari sesuatu suasana pembelajaran baru yang berasaskan teknologi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap motivasi terhadap penggunaan *google apps*, tahap literasi komputer dan hubungan antara tahap motivasi terhadap tahap literasi komputer pelajar pesisir UTHM. Reka bentuk kajian ini adalah tinjauan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dan data dianalisis melalui skor min bagi menentukan tahap motivasi dan tahap literasi pelajar serta menggunakan analisis *pearson* untuk menentukan hubungan antara tahap motivasi terhadap tahap literasi komputer pelajar menggunakan *Statistical Packages for the Social Science Version 23.0 For Windows (SPSS)*. Dapatan kajian ini menjelaskan tahap motivasi pelajar terhadap penggunaan *google apps* dan tahap literasi komputer pelajar berada pada tahap tinggi. Manakala terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dalam penggunaan *google drive* dan *google powerpoint* terhadap tahap literasi komputer pelajar. Namun begitu, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dalam penggunaan *google form* dan *google spreadsheet* terhadap tahap literasi komputer pelajar. Implikasi terhadap kajian ini adalah dapat mengenal pasti tahap motivasi dan tahap literasi komputer pelajar bagi menentukan strategi pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasikan dalam P&P. Secara umumnya, kajian ini mempertimbangkan penggunaan *google apps* dalam membantu proses P&P bagi meningkatkan motivasi pelajar.

Kata kunci : aplikasi google, motivasi, literasi komputer

ABSTRACT

The rapid development of technology nowadays has given the changes to the education system, especially in facilitating the process of teaching and learning (T&L). Development in technology applications such as google apps have much positive impact in the field of teaching is used as a medium to deliver information. However, students do not have a motivation to learn a new learning environment that is based on technology. The aim of this study was to determine the level of motivation to use google apps, the level of computer literacy and the relationship between the level of motivation on the level of computer literacy of part time UTHM students. The design of this study is review. The study was conducted by using a questionnaire as an instrument and the data were analyzed by mean scores to determine the level of motivation and the level of literacy of students and analysis of Pearson to determine the relationship between the level of motivation on the level of computer literacy by using the Statistical Package for the Social Science version 23.0 For Windows (SPSS). This study describes the level of students' motivation to use google apps and computer literacy level is at a high level. While there is a significant relationship between the level of motivation in the use of google drive and google powerpoint on the student computer literacy level. However there is no significant relationship between the level of motivation in the use of google form and google spreadsheet on the student computer literacy level. The implications of this study was to identify the level of motivation and the level of computer literacy to determine appropriate instructional strategies to be applied in T&L. In general, this study considers the use of google apps in assisting the process of learning to enhance student motivation.

Keywords: google apps, motivation, computer literacy

KANDUNGAN

| | | |
|--------------|-----------------------------------------|-------------|
| | JUDUL | i |
| | PERAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | x |
| | SENARAI RAJAH | xiii |
| | SENARAI SINGKATAN | xiv |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 5 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 10 |
| | 1.4 Tujuan Kajian | 12 |
| | 1.5 Objektif Kajian | 12 |
| | 1.6 Persoalan Kajian | 13 |
| | 1.7 Kerangka Konseptual | 13 |
| | 1.8 Kepentingan Kajian | 14 |
| | 1.9 Skop Kajian | 15 |
| | 1.10 Batasan Kajian | 15 |
| | 1.11 Definisi Istilah | 15 |
| | 1.12 Rumusan | 17 |
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR | 18 |
| | 2.1 Pengenalan | 18 |
| | 2.2 Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) | 18 |
| | 2.3 Literasi Komputer Dan ICT Dalam P&P | 22 |

| | | |
|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 2.4 | Google Dalam P&P | 25 |
| 2.5 | Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran | 28 |
| 2.6 | Teori Pembelajaran Behavior | 29 |
| 2.7 | Model Motivasi ARCS | 30 |
| 2.8 | Rumusan | 32 |
| BAB 3 | METODOLOGI | 33 |
| 3.1 | Pengenalan | 33 |
| 3.2 | Reka bentuk kajian | 33 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 34 |
| 3.4 | Populasi kajian | 34 |
| 3.5 | Persampelan Kajian | 34 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 35 |
| | 3.6.1 Soal Selidik | 35 |
| | 3.6.2 Protokol Temu Bual | 37 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 37 |
| 3.8 | Analisis Data | 39 |
| | 3.8.1 Data Kajian | 40 |
| 3.9 | Rumusan | 41 |
| BAB 4 | DAPATAN KAJIAN | 43 |
| 4.1 | Pengenalan | 43 |
| 4.2 | Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps</i> | 44 |
| | 4.2.1 Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> | 44 |
| | 4.2.2 Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> | 47 |
| | 4.2.3 Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> | 50 |
| | 4.2.4 Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> | 52 |
| 4.3 | Tahap Literasi Komputer | 55 |
| | 4.3.1 Tahap Kemahiran Aplikasi Literasi ICT | 56 |
| | 4.3.2 Tahap KemahiranAsas <i>Internet</i> | 56 |

| | | |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 4.4 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 57 |
| 4.4.1 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 58 |
| 4.4.2 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 58 |
| 4.4.3 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 59 |
| 4.4.4 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 60 |
| 4.5 | Dapatan Analisis Berdasarkan Temu Bual | 60 |
| 4.6 | Rumusan | 63 |
| BAB 5 | PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | 64 |
| 5.1 | Pengenalan | 64 |
| 5.2 | Perbincangan | 64 |
| 5.2.1 | Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps</i> | 65 |
| 5.2.2 | Tahap Literasi Komputer | 67 |
| 5.2.3 | Hubungan Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps</i> Terhadap Tahap Literasi Komputer | 69 |
| 5.3 | Kesimpulan Perbincangan | 70 |
| 5.4 | Cadangan | 70 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 71 |
| 5.6 | Rumusan | 72 |
| | RUJUKAN | 73 |
| | LAMPIRAN | 83 |
| | VITA | 133 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.1 | Skala Likert | 36 |
| 3.2 | Nilai Indeks <i>Alpha Cronbach</i> | 38 |
| 3.3 | Nilai Indeks <i>Alpha Cronbach</i> soal selidik | 38 |
| 3.4 | Kaedah Analisis Data | 39 |
| 3.5 | Interpretasi Skor Min | 40 |
| 3.6 | Garis Panduan Guilford | 41 |
| 4.1 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>GoogleApps (Google Drive)</i> Bagi Elemen <i>Attention</i> | 45 |
| 4.2 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> Bagi Elemen <i>Relevance</i> | 45 |
| 4.3 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> Bagi Elemen <i>Confidence</i> | 46 |
| 4.4 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> Bagi Elemen <i>Satisfaction</i> | 47 |
| 4.5 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> Bagi Elemen <i>Attention</i> | 47 |
| 4.6 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> Bagi Elemen <i>Relevance</i> | 48 |

| | | |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.7 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> Bagi Elemen <i>Confidence</i> | 49 |
| 4.8 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> Bagi Elemen <i>Satisfaction</i> | 49 |
| 4.9 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> Bagi Elemen <i>Attention</i> | 50 |
| 4.10 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> Bagi Elemen <i>Relevance</i> | 51 |
| 4.11 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> Bagi Elemen <i>Confidence</i> | 51 |
| 4.12 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> Bagi Elemen <i>Satisfaction</i> | 52 |
| 4.13 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> Bagi Elemen <i>Attention</i> | 53 |
| 4.14 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> Bagi Elemen <i>Relevance</i> | 54 |
| 4.15 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> Bagi Elemen <i>Confidence</i> | 54 |
| 4.16 | Taburan Responden Tahap Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> Bagi Elemen <i>Satisfaction</i> | 55 |
| 4.17 | Taburan Responden Tahap Kemahiran Aplikasi Literasi ICT | 56 |
| 4.18 | Taburan Responden Tahap Kemahiran Asas <i>Internet</i> | 57 |

| | | |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.19 | Hubungan antara tahap motivasi pelajar dalam penggunaan <i>Google Apps (Google Drive)</i> terhadap tahap literasi komputer | 58 |
| 4.20 | Hubungan antara tahap motivasi pelajar dalam penggunaan <i>Google Apps (Google Form)</i> terhadap tahap literasi komputer | 59 |
| 4.21 | Hubungan antara tahap motivasi pelajar dalam penggunaan <i>Google Apps (Google Spreadsheet)</i> terhadap tahap literasi komputer | 59 |
| 4.22 | Hubungan antara tahap motivasi pelajar dalam penggunaan <i>Google Apps (Google Powerpoint)</i> terhadap tahap literasi komputer | 60 |



SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|----------------------------|----|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 13 |
|-----|----------------------------|----|



SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------------|---|--------------------------------------------|
| ICT | - | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| P&P | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| PJJ | - | Pendidikan Jarak Jauh |
| UTHM | - | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |
| USM | - | Universiti Sains Malaysia |
| UiTM | - | Universiti Teknologi Mara |
| FPTV | - | Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional |
| PAK21 | - | Pembelajaran Abad Ke 21 |
| LCD | - | <i>Liquid Crystal Display</i> |
| <i>APPS</i> | - | <i>Applications</i> |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan pesat teknologi pada masa kini telah memberi perubahan terhadap sistem pengajaran terutama dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Bermula dari kaedah P&P secara konvensional dengan hanya menggunakan papan hitam dan kapur, telah bertukar kepada kaedah yang seiring dengan perkembangan teknologi seperti penggunaan komputer, bahan elektronik, *liquid crystal display* (LCD), dan kamera video digital. Dalam menyampaikan sesuatu maklumat, kaedah yang digunakan perlulah bersesuaian agar maklumat yang diberi dapat diterima dengan baik dan berkesan. Penggunaan teknologi merupakan kaedah yang sesuai dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan efisien terutama untuk meningkatkan sistem pendidikan negara.

Kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada semua golongan terutama bagi yang bekerja untuk melanjutkan pelajaran telah direalisasikan melalui penubuhan program pendidikan jarak jauh (PJJ) di Malaysia di mana ia diperkenalkan secara rasminya pada November, 1994. Program PJJ ditawarkan secara berperingkat. Pada awalnya, program yang ditawarkan adalah program yang sama ditawarkan kepada pelajar sepenuh masa. Perbezaan di antara program sepenuh masa dan program PJJ adalah dari segi cara pengendalian dan penyampaian pengajaran. Kaedah yang digunakan dalam PJJ kebanyakan adalah menggunakan teknologi terkini bagi memudahkan dalam menyampaikan maklumat serta bahan pengajaran kepada pelajar. Perkembangan kurikulum yang semakin kompleks pada

masa kini telah menuntut kemahiran pemikiran tinggi yang dapat diproses dengan mudah menerusi teknologi maklumat dan komunikasi (Hasnuddin *et al.*, 2015).

Usaha untuk memperkenalkan penggunaan komputer dalam aktiviti P&P dalam kalangan pelajar membayangkan perubahan drastik dengan adanya pelbagai program literasi komputer. teknologi secara dasarnya telah mengubah kehidupan seharian. Jika dahulu, takrif literasi dikhususkan kepada kebolehan seseorang dalam membaca dan menulis, namun keadaan ini telah berubah (Abd. Razak & Nurul Aliyah, 2010). Pada abad ke-21 ini kebolehan seseorang dalam membaca dan menulis adalah tidak mencukupi. Dalam konteks itu, keadaan pada masa kini memerlukan tahap literasi yang lebih tinggi (Rosnaini & Mohd Arif, 2010). Kemahiran literasi ini tidak hanya untuk masyarakat yang bekerjaya sahaja, namun penting kepada para pelajar untuk membantu mereka dalam proses P&P. Dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penggunaannya dapat mengubah cara hidup manusia berkomunikasi, bekerja serta menjalankan perniagaan (Abdul Manaf *et al.*, 2015).

Penggunaan teknologi dalam P&P telah mula dilaksanakan bukan sahaja di peringkat sekolah, malah di peringkat pengajian tinggi. Teknologi sememangnya tiada batasan dan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa akan memudahkan sesuatu proses P&P, menarik minat pelajar dan menjimatkan masa. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan dalam pelaksanaan P&P menggunakan teknologi seperti kurangnya kemudahan peralatan dan sambungan rangkaian *internet*. Oleh itu, kekangan yang ada dalam prasarana ICT di sekolah atau institusi pengajian tinggi haruslah diatasi segera (Ismail *et al.*, 2004). Sejak beberapa tahun yang lalu, kaedah P&P berbantuan komputer telah mula diperkenalkan dan kini dalam era ICT yang semakin pesat berkembang, penggunaan ICT semakin mendapat perhatian dalam proses P&P. Oleh itu, para pengajar dan pelajar perlu bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam penggunaan ICT.

Penggunaan ICT dalam bidang pengajaran dapat meningkatkan kualiti dalam sistem pendidikan di negara kerana dapat meningkatkan minat dan motivasi untuk belajar, di samping mempercepatkan proses belajar (Johari & Fazliana, 2012). Pengetahuan dalam bidang ICT oleh seseorang pengajar adalah menjadi keutamaan sekiranya ingin diaplikasikan dalam P&P dan perlu bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar. Menurut Robiah dan Nor Sakinah (2009), dalam era

globalisasi yang berpaksikan perkembangan ICT, pembangunan pengajaran adalah mementingkan pembudayaan dan penguasaan ICT dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai aspirasi wawasan 2020 iaitu melahirkan tenaga kerja yang mampu menghadapi cabaran era maklumat serta ekonomi yang berasaskan pengetahuan global. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengukuhkan kemahiran ICT para pelajar dengan memperkenalkan subjek Teknologi Maklumat pada tahun 1999. ICT membantu dalam P&P dan dapat dilaksanakan seiring dengan perkembangan pembelajaran abad ke 21 (PAK21).

PAK21 merupakan pendekatan yang ditekankan di Malaysia untuk dilaksanakan dalam P&P. PAK21 berasaskan kepada konsep 4C iaitu *communication, collaboration, critical thinking*, dan *creativity*. Secara umumnya, pelaksanaan PAK21 adalah menjurus kepada proses pembelajaran berpusatkan pelajar seperti pembelajaran koperatif. Kaedah pembelajaran koperatif banyak memberi peluang kepada pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar (Umi & Ahmad, 2014). PAK21 mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan kaedah pembelajaran masa lalu dan dilaksanakan untuk tujuan melahirkan pelajar yang produktif tinggi, mahir dalam komunikasi, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta mahir dalam penggunaan ICT. Semua warga pendidik perlu memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang bekualiti dengan memberikan komitmen yang tinggi bagi memenuhi keperluan PAK21 sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), di mana pendekatan pendidikan tertumpu kepada pembangunan pelajar secara holistik yang menekankan pembangunan jasmani, intelek, rohani, emosi, dan fizikal.

Selain itu, pedagogi pengajar perlu ditingkatkan untuk mengamalkan PAK21 yang cenderung dalam penggunaan media teknologi terkini. Penggunaan media teknologi menjadi salah satu landasan utama dalam PAK21 yang menekankan kepada kemampuan pelajar untuk berfikir secara kritis, menguasai teknologi informasi, berkomunikasi dan berkolaborasi seiring dengan kenyataan oleh Frydenberg dan Andone (2011) yang menyatakan bahawa untuk menghadapi PAK21, setiap orang harus memiliki keterampilan berfikiran kritis, pengetahuan dan kemampuan literasi digital, literasi informasi, literasi media dan menguasai teknologi informasi dan komunikasi. Manakala Asniza dan Zaidatun (2011) menyatakan bahawa integrasi alatan rangkaian sosial yang dimanfaatkan oleh pengajar yang

berkemahiran akan dapat meningkatkan pembelajaran murid dan memudahkan pembangunan kemahiran sepanjang hayat seperti kolaborasi, pemikiran kreatif dan pembinaan pengetahuan. Dalam merealisasikan PAK21, kaedah P&P perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi *cyber* dan akses kepada *internet* yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* semata-mata semakin kurang menarik minat pelajar sebaliknya memerlukan kaedah yang dinamik dan kreatif melalui penggubaaan daripada teknologi terkini seperti ICT dengan kandungan pengajaran yang relevan bagi memenuhi keperluan KPM.

Selain daripada penggunaan ICT dalam P&P, perkembangan teknologi *internet* telah memberi manfaat dalam menghasilkan P&P yang efektif selain memberi maklumat tanpa batasan secara percuma melalui laman web dan aplikasi-aplikasi yang dapat digunakan dalam P&P. Hal ini disokong oleh Deacon *et al.*, (2004) yang menyatakan bahawa web dalam aplikasi *internet* memperkembangkan pemikiran pelajar secara kritikal. Penggunaan *internet* sememangnya sinonim dengan masyarakat di masa kini kerana segala maklumat akan diperoleh dengan hanya di hujung jari. Penggunaan *internet* dalam bidang pendidikan adalah jelas akan kepentingannya kerana *internet* merupakan platform untuk komunikasi elektronik di antara pelajar, pengajar, pihak pentadbir, penyelidik, institusi dan komuniti (Rozinah, 2007). Proses P&P menggunakan *internet* ini berkait rapat dengan pembelajaran *mobile* dimana *internet* membolehkan proses P&P dilakukan pada 'bila-bila' masa dan di 'mana-mana' sahaja.

Pembelajaran *mobile* atau pembelajaran mudah alih seperti penggunaan *google apps* dan *e-learning* telah diperkenalkan untuk membantu dan meningkatkan tahap P&P. Pembelajaran *mobile* merupakan suatu konsep baru yang dilaksanakan dalam proses pembelajaran (Kukulaska-Hulme & Traxler, 2005). Melalui pembelajaran *mobile*, proses P&P pada masa kini tidak hanya dilaksanakan di dalam bilik darjah semata-mata, sebaliknya boleh berlaku di 'mana-mana' sahaja dan pada 'bila-bila' masa. Pembelajaran *mobile* menekankan kepada keupayaan untuk mudah alih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal proses pembelajaran itu berlaku. Melalui pembelajaran *mobile* menggunakan alatan mudah alih dalam pengajaran mendapati bahawa penilaian yang dilakukan melalui ujian adalah efektif dan efisien kerana menjimatkan masa dan kos berbanding dengan ujian yang menggunakan kertas dan pensil (Triantafillou *et al.*, 2006). Oleh itu,

penggunaan pembelajaran *mobile* sesuai digunakan terutama bagi peringkat pengajian tinggi untuk memudahkan dalam menyampaikan maklumat, membuat tugas dan ujian.

Selain itu, aplikasi *online* dapat digunakan dalam proses P&P seiring dengan perkembangan teknologi dan perkembangan PAK21. Aplikasi *online* yang popular dalam kalangan pelajar untuk diaplikasikan dalam P&P adalah pembelajaran elektronik (*e-learning*). *E-learning* menawarkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian untuk membantu aktiviti pembelajaran di dalam dan di luar kelas (Fleischman, 2001). *E-learning* merupakan kaedah pembelajaran yang menggunakan ICT sebagai pemudah cara dalam proses P&P serta membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan dengan berkesan. Jaya Kumar (2002) mendefinisikan *e-learning* sebagai sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN, atau *internet*) untuk menyampaikan isi pembelajaran, interaksi, atau bimbingan. Manakala menurut Moore & Richardson (2002), *e-learning* bermakna satu pembelajaran yang boleh diakses di lokasi tetap dengan sambungan *internet*. Pelaksanaan *e-learning* adalah berpandukan kepada dasar *e-learning* di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta iaitu merujuk kepada inisiatif untuk menyediakan satu kerangka pembelajaran berkualiti yang sesuai dengan Model Baru Ekonomi (MBE) dan konsep 1 Malaysia. Selain itu, dasar *e-learning* mendukung intipati strategik Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10). Setelah hampir dua dekad teknologi komunikasi dan maklumat dilaksanakan, KPM merasakan bahawa satu dasar *e-learning* perlu digubal untuk memberi akses yang saksama dan adil di samping menyediakan pendidikan yang berkualiti di semua IPT. Dasar *e-learning* ini adalah lanjutan dari dasar ICT yang dikemukakan oleh Majlis ICT Negara (NITC, 2001) untuk membawa Malaysia ke alam elektronik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan adalah penting dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar di samping menarik minat pelajar sepanjang proses P&P dijalankan. Dengan teknologi komputer, penggunaannya dapat membantu pengajar dalam menjadikan proses P&P sistematik. Menurut Hayes (2006), teknologi komputer membantu dalam pembelajaran pelajar melalui dua cara iaitu dengan

membolehkan pengguna memperoleh maklumat serta kemahiran dan mempraktikkannya dengan membantu pelajar lain untuk menguasai kemahiran tersebut dan dapat mengaplikasikannya dalam situasi yang berbeza.

Selain itu, pelbagai maklumat akan dapat diperolehi dengan menggunakan teknologi komputer yang dapat dicapai menggunakan enjin pencari (*search engine*) yang memerlukan rangkaian *internet*, contohnya *google*. Penggunaan *internet* membantu guru-guru untuk mendapatkan bahan bantu belajar sama ada berbentuk teks, audio atau visual (Jewitt, 2006). Dengan menggunakan *internet* dalam P&P, *internet* dapat memudahkan pengajar dalam menyampaikan maklumat dan menjadikan P&P menarik. Menurut Rozinah (2007), menguasai aplikasi *internet*, pengajar akan dapat mengajar konsep sains khususnya yang memerlukan pelajar menggambarkan sesuatu fenomena secara simulasi atau menggunakan makmal maya. Selain itu, melalui *internet*, pengajar dan pelajar akan dapat berkongsi maklumat menggunakan emel dan media sosial seiring dengan PAK21.

Dalam sistem pendidikan di negara kita, terdapat program PJJ yang telah dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi dan semakin berkembang pesat selari dengan perkembangan di Eropah dan negara maju. PJJ merupakan program yang bersesuaian bagi mereka yang sudah bekerja tetapi dalam masa yang sama, mereka ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi. Dengan mengikuti PJJ, mereka akan dapat terus belajar tanpa meninggalkan tugas dan kerjaya mereka. PJJ merupakan sistem pengajaran secara jauh di mana pengajar dan pelajar terpisah atau berada pada suatu jarak antara satu sama lain, ataupun tidak bersemuka. Dalam program PJJ, bahan-bahan atau keseluruhan sukatan pelajaran disediakan dalam bentuk cetak atau bukan cetak dan dibekalkan kepada pelajar. Oleh itu, P&P tidak berlaku pada masa yang sama iaitu tidak perlu berada di tempat yang sama atau berdepan dengan tenaga pengajar. Oleh itu, pengurusan masa yang baik adalah penting (Jamhari, 2001). Berbeza dengan pembelajaran secara konvensional, pensyarah memberi kuliah dan pelajar mengambil nota secara bertulis. PJJ menggunakan pelbagai teknologi moden dan inovasi canggih dalam mempersembahkan bahan pembelajaran kepada pelajar. Di antara teknologi dan inovasi seperti bahan pembelajaran yang diakses menggunakan *internet* dan bahan pembelajaran yang dimuatkan turun ke dalam alat mudah alih seperti telefon pintar. Menurut Yusop dan Sharifah (1999), pendekatan sistem PJJ yang diamalkan di

institusi PJJ ialah pemisahan guru dengan pelajar, penggunaan media cetak dan bukan cetak secara sistematik, penggunaan kelas telesidang untuk mewujudkan komunikasi dua hala dan perjumpaan bersemuka secara paling minimum.

Kaedah PJJ yang dilaksanakan di Malaysia termasuklah *online* sepenuhnya, *online* separa dan konvensional. Walaubagaimanapun, PJJ memerlukan pengajar dan pelajar yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan ICT kerana kebanyakan maklumat yang disampaikan adalah dalam bentuk *online* agar tiada masalah dalam mendapatkan maklumat. Zuraini (2006) menyatakan bahawa cabaran mengaplikasikan ICT bagi sistem PJJ dalam menghadapi era globalisasi ini terutama dalam aspek kesedaran, penguasaan, motivasi dan perancangan masa depan adalah sesuatu yang kritikal. Kebanyakan negara maju di dunia seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun sudah maju dalam pelaksanaan PJJ. Sebahagian besar universiti menawarkan program PJJ dengan corak dan bentuk tertentu seperti '*Open University*' atau '*Distance Education*'. Pada tahun 1972, Universiti Terbuka United Kingdom (OUUK) telah dianggap sebagai salah sebuah universiti terbuka yang terbesar di dunia telah mewujudkan satu bahagian khusus dalam sistem universiti terbuka yang bertanggungjawab dalam menyediakan semua aspek PJJ iaitu dari aspek perancangan sehinggalah penyediaan bahan P&P.

Selain itu, antara salah satu sebab pelajar PJJ gagal menamatkan pembelajaran pada masa yang ditetapkan adalah disebabkan kurangnya motivasi diri. Hal ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Karen (2001) yang mendapati bahawa penyebab tingginya kadar pelajar PJJ berhenti belajar adalah kurangnya motivasi diri. Karen (2001) juga mendapati kebanyakan pelajar PJJ berhenti disebabkan terdapat komitmen kerja dan tidak dapat fokus dalam pelajaran. Motivasi merupakan suatu keadaan dalam diri seseorang seperti keperluan, kehendak, atau kemahuan yang menggerakkan tingkah laku dan mendorong seseorang untuk melaksanakan sesuatu. Oleh itu, motivasi penting dalam menjadikan seseorang lebih berjaya dalam sesuatu perkara kerana motivasi mempunyai fungsi-fungsinya tersendiri. Menurut Oemar (2003), terdapat tiga fungsi motivasi iaitu i) sebagai pendorong agar timbulnya perasaan untuk melaksanakan sesuatu perkara, ii) sebagai pengarah bagi membolehkan seseorang melaksanakan sesuatu perkara berdasarkan tujuan sebenar, dan iii) sebagai penggerak bagi membolehkan seseorang melakukan sesuatu perkara dengan cepat.

